

SIRI 1

15

**MODUL
AKTIVITI**

berunsur

PERPADUAN

(INDOOR)



**ROSMAWATI
RAZAK**



**HASANI
GHAZALI**



**NOR WAHIDA
DZALIHU'ZZABIR**



**JAMALIZAMANI
JAMALUDDIN**

15 MODUL AKTIVITI

berunsur

PERPADUAN (INDOOR)



**ROSMAWATI RAZAK
HASANI GHAZALI
NORWAHIDA DZALIHU'ZZABIR
JAMALIZAMANI JAMALUDDIN**

Terbitan Pertama : 2022

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia terlebih dahulu.

Penulis

Rosmawati binti Razak

Hasani binti Ghazali

Norwahida binti Dzalihu'zzabir

Jamalizamani bin Jamaluddin

Editor

Rosmawati binti Razak

Pruf

Dr. Hjh. Nor Hayati Fatmi binti Talib

eISBN 978-967-2742-07-4

15 Modul Aktiviti Berunsur Perpaduan (Indoor)

Diterbitkan oleh :
Politeknik Nilai,
Kompleks Pendidikan Nilai,
Bandar Enstek, 71760 Labu,
Negeri Sembilan

ISI KANDUNGAN

Prakata

Pendahuluan

Modul 1 - Apa Nama Saya?

Modul 2 - Jangan Lupa Lirik

Modul 3 - Aku Bukan Sasterawan

Modul 4 - Spider Web

Modul 5 - Kenali Aku

Modul 6 - Apolo

Modul 7 - Biar Betul?

Modul 8 - Negaraku

Modul 9 - Aku dan Kamu

ISI KANDUNGAN

Modul 10 - Oh Mat Kilau

Modul 11 - Siapa PM?

Modul 12 - Ada Apa Dengan IC?

Modul 13 - Tak Kenal Maka Tak Cinta

Modul 14 - Pakaian dan perhiasan

Modul 15 - Surat Khabar

Biodata Penulis

PRAKATA

Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurniaNya penulisan dan penerbitan ebook yang bertajuk 15 Modul Aktiviti Berunsur Perpaduan ini berjaya diterbitkan.

Sekalung tahniah saya ucapkan kepada penulis-penulis dan semua yang bertungkus lumus menyiapkan penulisan dan penerbitan ebook ini sebagai inisiatif dan sumbangan kepada komuniti.

Harapan saya agar ebook ini dapat membantu pelajar-pelajar mempelajari, memahami dan menghayati isi kandungan yang disampaikan di dalam topik-topik pembelajaran dan dapat mengukuhkan lagi kefahaman mereka serta dapat menghayati konsep perpaduan sosial yang diharapkan melalui kursus ini.

Semoga usaha ini mendapat keberkatan daripada Allah SWT dan menjadi saham di akhirat nanti buat semua yang terlibat. Amin.

JAMALIZAMANI BIN JAMALUDDIN

Ketua Jabatan Pengajian Am
Politeknik Nilai

PENDAHULUAN

Perpaduan adalah matlamat akhir bagi sesebuah negara yang mempunyai rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan bangsa. Tanpa perpaduan yang utuh pentadbiran sesebuah negara akan menjadi kucar kacir. Justeru, usaha untuk memupuk perpaduan perlu dilaksanakan di setiap peringkat bagi mewujudkan keharmonian dan membawa gagasan negara.

Perpaduan ditakrifkan sebagai hubungan erat atau bersifat toleransi yang diwujudkan secara sengaja dalam kalangan kaum dan etnik yang berbeza untuk mencapai matlamat bersama secara jujur dan ikhlas manakala perpaduan negara ialah satu keadaan di mana rakyat dari pelbagai kumpulan etnik, agama dan wilayah, hidup dengan aman sebagai satu bangsa yang bersatu dengan memberi komitmen yang penuh kepada identiti kebangsaan berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Perpaduan amat penting di dalam sesebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk kerana dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni dan isu perkauman ataupun 'Racism' dapat dikurangkan. Selain itu, masyarakat harmoni dapat membantu kerajaan untuk mencapai semua aspirasi yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Justeru modul-modul yang disediakan ini telah mendukung aspirasi perpaduan nasional yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Modul 1

APA NAMA SAYA?

ARAHAN AKTIVITI :

- 1- Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan terdiri daripada 3 atau 4 orang ahli.
- 2- Pensyarah menyediakan kad untuk setiap kumpulan dan setiap kad mengandungi tempat/bangunan bersejarah di Malaysia contohnya :

-  Kota A Famosa, Melaka
-  Fraser Hill, Pahang
-  Kellie's Castle, Perak
-  Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur
-  Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Melaka
-  Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak
-  Bangunan Sultan Sulaiman Shah, Selangor
-  Istana Bandar (Alaeddin), Perak
-  Kompleks Sejarah Pasir Salak, Perak
-  Rumah Putih, Negeri Sembilan
-  Masjid Kampung Laut, Kelantan
-  Masjid Ubudiah, Perak

3- Setiap kumpulan pelajar perlu ke hadapan kelas dan wakil kumpulan perlu memilih 5 bangunan bersejarah tersebut.

4- Wakil kumpulan perlu melukis gambar bangunan tersebut di kertas A4 dan memberi klu bangunan tersebut terletak di negeri mana dan berapa patah perkataan untuk nama bangunan/tempat tersebut.

5- Ahli kumpulan yang lain perlu meneka bangunan/tempat bersejarah yang dilukis oleh wakil kumpulan tadi.

6- Sekiranya tepat pensyarah boleh memberi markah kepada kumpulan tersebut namun sekiranya kumpulan tersebut tidak dapat menjawab pensyarah boleh memberi peluang kepada kumpulan lain untuk menjawab dan memberikan markah kepada kumpulan yang dapat menjawab.

PERALATAN YANG DIPERLUKAN :

- Kad yang mempunyai gambar tempat/bangunan bersejarah
- Kertas A4

**Pensyarah digalakkan membincangkan bangunan/tempat yang bersejarah dalam sesi syarahan (teori) dan menghuraikan justifikasi kenapa pelajar perlu mengetahui tentang tempat/bangunan tersebut.*

NILAI :

- Aktiviti di atas adalah berkait dengan warisan budaya yang ketara dan tidak setara.
- Mengingati tempat-tempat dan bangunan-bangunan bersejarah bererti melihat kepada masa lampau yang boleh dijadikan pengajaran untuk meneruskan kehidupan pada masa akan datang.
- Setiap tinggalan sejarah membawa maksud kebebasan dan perpaduan yang ada pada masa ini perlu dipelihara agar keamanan dan keharmonian hidup sebagai rakyat Malaysia terus dikecapi hingga akhir hayat.



Modul 2

JANGAN LUPA LIRIK

ARAHAN AKTIVITI :

1- Pensyarah membahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan mempunyai 3-4 orang ahli (cadangan).

2- Setiap kumpulan diberikan lagu yang bertemakan patriotik & perpaduan.

3- Antara lagu-lagu yang dicadangkan adalah :

- Warisan
- Tanggal 31
- Saya Anak Malaysia
- Sejahtera Malaysia
- 1 Malaysia
- Jalur Gemilang
- Bahtera Merdeka

4- Setiap kumpulan perlu mengingati lagu yang diberikan kepada mereka.

5- Pensyarah memperdengarkan 1 rangkap mana-mana lagu tersebut. Dalam masa 5 saat kumpulan yang lagu mereka perlu menyanyi dan menyambung lirik. Sekiranya mereka tidak menyambung dan menyanyi lagu tersebut selepas 5 saat lagu diperdengarkan, kumpulan tersebut dikira kalah.

6- Pelajar perlu membuat ulasan berkaitan lagu tersebut.

PERALATAN YANG DIPERLUKAN :

- Laptop
- Speaker
- Lagu-lagu bertemakan patriotisme dan perpaduan yang telah dicadangkan.

NILAI :

- Lagu-lagu yang berunsur patriotisme perlu diingati kerana ia adalah simbol semangat patriotik dan rasa kecintaan kepada negara.
- Lagu-lagu patriotik juga dapat menyuntik semangat serta motivasi untuk terus berbakti dan memberi sumbangan yang terbaik kepada negara sebagai seorang warganegara.

Modul 3

AKU BUKAN SASTERAWAN

ARAHAN AKTIVITI :

- 1- Pensyarah membahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan mempunyai 2-3 orang ahli.
- 2- Setiap kumpulan dikehendaki mencipta sajak yang bertemakan patriotik, perpaduan dan rasa cinta kepada tanah air.
- 3- Pelajar perlu mendeklamasikan sajak tersebut di hadapan kelas dengan penuh semangat mengikut kaedah penyampaian sajak yang betul dengan penglibatan semua ahli kumpulan.

NILAI :

- Mendedahkan kepada pelajar nilai-nilai sastera warisan negara melalui sajak.
- Menterjemahkan rasa cinta kepada negara melalui bait-bait sajak.
- Menanamkan penghayatan semangat patriotisme dan perpaduan melalui sajak yang perlu dideklamasikan secara berkumpulan oleh pelbagai kaum.

Modul 4

SPIDER WEB

ARAHAN AKTIVITI :

- 1- Pensyarah membuat dan membawa sarang labah-labah yang besar menggunakan tali rafia.
- 2- Sarang labah-labah diikat pada dua meja/kerusi di dalam kelas separas bahu.
- 3- Pensyarah membahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan mempunyai 3-4 orang ahli yang terdiri daripada pelbagai kaum.
- 4- Setiap kumpulan dikehendaki merentasi sarang labah-labah tersebut sama ada secara sendiri atau dengan pertolongan ahli kumpulan dalam tempoh 3 minit.
- 5- Ahli kumpulan yang tidak dapat merentasi sarang labah-labah tersebut akan di denda.
- 6- Setiap kumpulan perlu memikirkan cara yang paling kreatif untuk memastikan semua ahli kumpulan dapat merentasi sarang labah-labah tersebut.

PERALATAN YANG DIPERLUKAN :

- Tali rafia.
- Kerusi/meja/alat untuk mengikat sarang labah-labah tersebut.

NILAI :

- Perlunya kerjasama antara ahli kumpulan untuk menyelesaikan sesuatu cabaran dan halangan.
- Perlu hidup bersatu padu tanpa mengira kaum untuk sama-sama berjaya.
- Tidak mementingkan diri sendiri dan tidak mendahulukan kepentingan diri apabila hidup bermasyarakat.

Modul 5

KENALI AKU

ARAHAN AKTIVITI :

- 1- Pensyarah meminta pelajar-pelajar duduk secara bulatan.
- 2- Setiap pelajar diberikan sehelai kertas A4 dan pelajar perlu menulis nama masing-masing di kertas A4 tersebut.
- 3- Kertas tersebut akan diedarkan kepada rakan yang di tepi dan seterusnya sehinggalah kertas tersebut sampai kepada pemiliknya.
- 4- Pelajar diminta menulis perihal rakan-rakan di atas kertas yang diedarkan tadi berdasarkan nama yang tercatat di kertas tersebut.
- 5- Pelajar dikehendaki menulis 1 patah perkataan tentang rakan tersebut sama ada sikap atau sifat rakan tersebut, kegemaran dan sebagainya.
- 6- Pelajar dikehendaki untuk membaca setiap perihal yang dinyatakan oleh rakan-rakan terhadap dirinya.

PERALATAN YANG DIPERLUKAN :

- Kertas A4
- Pen

NILAI :

- Perlu mengenali dengan lebih mendalam sikap/sifat rakan-rakan yang hidup dalam komuniti yang sama agar dapat mengukuhkan perpaduan dan memudahkan jalinan kerjasama yang akan dilaksanakan apabila saling memahami.
- Menghormati perbezaan sikap/sifat individu dan menerima perbezaan tersebut sebagai salah satu cara untuk saling lengkap melengkapi antara satu sama lain dalam hidup bermasyarakat yang pelbagai kaum.
- Mengelakkan untuk berbalah dalam isu-isu yang tidak akan dapat mencapai persamaan namun cuba untuk mengambil langkah penyelesaian yang terbaik walaupun tidak dapat memuaskan hati semua.

Modul 6

APOLO

ARAHAN AKTIVITI :

- 1- Pensyarah membahagikan pelajar 2 orang dalam 1 kumpulan.
- 2- Setiap ahli kumpulan diikat kaki dan tangan secara berpasangan.
- 3- Pensyarah memberikan snek apolo kepada setiap kumpulan.
- 4- Setiap kumpulan perlu menghabiskan snek tersebut dalam tempoh 2 minit.
- 5- Mereka perlu kreatif dan bekerjasama untuk membuka snek tersebut dan makan bersama-sama dalam keadaan kaki dan tangan terikat.
- 6- Pelajar yang tidak dapat membuka dan menghabiskan snek tersebut dikira kalah.



PERALATAN YANG DIPERLUKAN :

- Snek Apolo

**Snek Apolo juga boleh diganti dengan makanan lain yang bersesuaian*

NILAI :

- Memupuk nilai persaudaraan dan perpaduan antara satu sama lain.
- Sama-sama mengharungi cabaran walaupun berada dalam kesusahan (diikat kaki dan tangan).
- Sama-sama menikmati kesenangan selepas mengharungi kesusahan.
- Mengajar nilai persahabatan tanpa mengira kaum dan agama.
- Merancang strategi yang terbaik untuk keluar daripada sesuatu kesusahan.

Modul 7

BIAR BETUL?

ARAHAN AKTIVITI :

- 1- Pensyarah membahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan.
- 2- Setiap kumpulan mempunyai 6-7 orang ahli
- 3- Setiap kumpulan perlu beratur dengan jarak lebih kurang 1 meter.
- 4- Pensyarah memberikan satu teks amanat iaitu kata-kata daripada Tunku Abdul Rahman kepada ketua kumpulan dan meminta ketua mengingati apa yang tercatat di dalam amanat tersebut.
- 5- Isi kandungan amanat tersebut berbunyi :

AMANAT TUNKU ABDUL RAHMAN

“Malaysia tidak ada rakyat kelas satu atau dua. Setiap rakyat yang tinggal di negara ini menikmati hak dan layanan yang sama yang diberikan oleh kerajaan. Orang Cina dan India diseru mendidik anak masing-masing supaya benar-benar mencintai negeri ini dan ibubapa Melayu jangan menanamkan semangat dikalangan anak-anak mereka untuk membenci kaum-kaum lain”

“Demokrasi, selain daripada memberi kebebasan juga berhendakkan pengorbanan”.

“Tiada siapa pun yang dapat percaya bahawa negara yang mempunyai satu masyarakat yang berbilang bangsa seperti negara kita boleh membentuk satu dasar yang boleh membawa kebahagiaan, kesentosaan dan perpaduan di kalangan penduduk-penduduk dan taat setia terhadap Raja dan Negara”.

“Sebuah negara yang tidak mempunyai Bahasa kebangsaan akan selalu berpecah belah, serupalah dengan sebuah rumah yang selalu berpecah tidak akan dapat berdiri teguh”

6- Ketua kumpulan perlu menyampaikan amanat tersebut kepada ahli kumpulan yang kedua tanpa melihat kepada teks. Seterusnya ahli yang kedua kepada ahli yang ketiga sehingga selesai ahli yang terakhir.

7- Ahli kumpulan tidak dibenarkan berbincang antara satu sama lain.

8- Kumpulan yang dapat memberikan amanat dengan tepat melalui ahli terakhir dikira sebagai pemenang.

PERALATAN YANG DIPERLUKAN :

- Kertas yang ditulis amanat

NILAI :

- Menyampaikan sesuatu berita/amanat daripada seorang pemimpin dengan tepat.
- Mendapatkan kepastian setiap amanat yang diterima sama ada daripada sumber yang sahih atau tidak.
- Mengelakkan diri untuk menerima sesuatu maklumat daripada percakapan-percakapan yang tidak dapat dipastikan kebenarannya.
- Tabayyun iaitu menyelidiki setiap khabar yang diterima agar tidak terjadi sesuatu fitnah kepada seseorang.
- Berita atau maklumat yang salah boleh memecahbelahkan perpaduan dan mengganggu gugat keselamatan negara.
- Elakkan mendengar fitnah. Carilah kepastian atas sesuatu berita atau maklumat yang disebar.

Modul 8

NEGARAKU

ARAHAN AKTIVITI :

- 1- Pensyarah meminta setiap pelajar di dalam kelas untuk menyanyikan lagu negeri masing-masing.
- 2- Pelajar perlu menyanyikan lagu negeri masing-masing dengan kuat dan tidak boleh terikut-ikut dengan lagu negeri lain.
- 3- Pensyarah mengarahkan pelajar untuk menyanyi dengan sama dan harmoni.
- 4- Setelah selesai, pensyarah meminta semua pelajar untuk menyanyikan lagu Negaraku dengan sama dan harmoni.
- 5- Pensyarah bertanya kepada pelajar, apakah makna lagu negeri masing-masing terhadap diri mereka?
- 6- Sekiranya pelajar pernah tinggal di beberapa buah negeri, adakah mereka mengingati lagu semua negeri yang pernah didiami?

NILAI :

- Lagu setiap negeri mempunyai makna yang tersendiri bagi penduduk negeri tersebut.
- Setiap rakyat negeri tersebut pasti akan mengingat dan menghormati lagu negeri masing-masing.
- Namun apabila lagu setiap negeri dinyanyikan serentak tidak akan wujud satu lagu yang harmoni walaupun semuanya cuba menyanyi dengan baik.
- Berbeza dengan lagu Negaraku yang dinyanyikan bersama-sama oleh setiap rakyat dari setiap negeri. Akan wujud satu irama lagu yang harmoni apabila lirik dan melodinya sama.
- Ini bermakna dalam kehidupan, apabila kita hidup bersama-sama satu kaum, bangsa dan agama, kita harus mencari titik persamaan walaupun masing-masing mempunyai latar belakang yang berbeza.
- Hindari sikap asabiyah (kesukuan).
- Carilah titik persamaan untuk mewujudkan keharmonian dan perpaduan. Satu agama contohnya Islam boleh menyatukan semua bangsa dan kaum. Begitu juga satu lagu yang sama iaitu Negaraku boleh mewujudkan satu semangat perpaduan yang jitu.

Modul 9

AKU DAN KAMU

ARAHAN AKTIVITI :

1- Pensyarah membahagikan pelajar kepada kumpulan mengikut kaum (boleh bercampur sekiranya di dalam kelas tersebut mempunyai kaum selain melayu yang sedikit)

2- Setiap kumpulan pelajar perlu bertutur ayat yang diberikan oleh pensyarah dalam bahasa dan loghat berikut mengikut kumpulan :

- Ayat tersebut adalah :

"Saya rakyat Malaysia. Saya sayang negara saya. Saya ingin hidup aman dan harmoni sampai bila-bila. Jom kawan-kawan kita sama-sama saling menghormati dan menjaga perpaduan antara satu sama lain"

3- Pembahagian kumpulan

- Kumpulan 1 - bahasa Cina
- Kumpulan 2 - bahasa Tamil
- Kumpulan 3 - bahasa Siam
- Kumpulan 4 - loghat Sarawak (bahasa Iban, Melanau dan lain-lain)
- Kumpulan 5 - loghat Sabah
- Kumpulan 6 - loghat utara
- Kumpulan 7 - loghat pantai timur

NILAI :

- Mempelajari dan mengetahui loghat atau bahasa kaum/bangsa/negeri lain boleh menjadikan kita lebih memahami budaya kaum/bangsa/negeri tersebut.
- Mempelajari sesuatu bahasa sesuatu kaum/bangsa/negeri membolehkan kita lebih mudah bergaul dan mesra dengan masyarakat dan rakyat kaum/bangsa/negeri tersebut
- Bahasa kebangsaan perlu diangkat sebagai bahasa rasmi dan pertuturan rasmi namun bahasa lain perlu dipelajari untuk mewujudkan kemesraan dan saling memahami antara satu sama lain.
- Belajarlah untuk bertutur pelbagai bahasa/loghat dari negeri/kaum/bangsa lain agar wujudnya persamaan dalam keharmonian dalam pergaulan.

Modul 10

OH MAT KILAU!

ARAHAN AKTIVITI :

1- Pensyarah membahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan dan memberikan tugas kepada pelajar untuk dilaksanakan pada minggu seterusnya.

2- Pelajar diberi tugas untuk melakonkan watak-watak pejuang tanah Melayu dengan skrip-skrip yang pernah dikatakan oleh pejuang-pejuang tersebut.

3- Antara pejuang-pejuang tanah Melayu yang dicadangkan adalah :

- Mat Kilau
- Tok Janggut
- Tok Gajah
- Abdul Rahman Limbong
- Dato' Maharaja Lela
- Yamtuan Antah
- Dato' Dol Said
- Mat Lela

4- Pelajar perlu membuat sedikit kajian berkaitan pahlawan-pahlawan tersebut dan melakonkan watak-watak dengan skrip-skrip yang sesuai.

NILAI :

- Mengenal pahlawan-pahlawan dan pejuang-pejuang tanah Melayu yang terdahulu boleh menimbulkan rasa cinta dan menghargai kemerdekaan dan keamanan yang dikecapi pada masa ini.
- Kemerdekaan dan keamanan yang wujud pada hari ini adalah hasil perjuangan dan pengorbanan pahlawan-pahlawan terdahulu yang sanggup berkorban apa sahaja untuk memastikan agama dan tanah air terpelihara.
- Hargailah pengorbanan pahlawan dan pejuang terdahulu dengan memelihara 5 prinsip rukun negara serta undang-undang yang telah digubal yang bertujuan untuk mencapai keharmonian dalam hidup bermasyarakat dan bernegara.

Modul 1 1

SIAPA PM?

ARAHAN AKTIVITI :

1- Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan terdiri daripada 5-6 orang pelajar.

2- Pelajar diminta untuk membuat perlantikan di dalam kumpulan tersebut beberapa jawatan penting dalam sesebuah negara mengikut pandangan mereka sendiri. Contohnya :

- Perdana Menteri
- Timbalan Perdana Menteri
- Menteri Pendidikan
- Menteri Kesihatan
- Menteri Dalam Negeri
- Menteri Luar

3- Setiap kumpulan juga diminta untuk menggubal undang-undang sendiri atas kesalahan-kesalahan jenayah yang berlaku dan memberikan justifikasi.

4- Setelah selesai setiap kumpulan diminta untuk membentangkan perlantikan tersebut beserta justifikasi jawatan tersebut seterusnya membentangkan undang-undang berkaitan jenayah yang digubal.

5- Kumpulan yang lain dibenarkan untuk mempersoalkan undang-undang tersebut dengan pandangan masing-masing.

6- Sekiranya berlaku percanggahan dalam undang-undang yang digubal setiap kumpulan boleh berdebat untuk mempertahankan undang-undang yang terbaik bagi mereka.

NILAI :

- Menghormati undang-undang negara dan merujuk kepada satu undang-undang yang sama bagi mengelakkan perpecahan.
- Begitu juga menghormati kepimpinan yang ada bagi menjaga keharmonian dalam kehidupan hidup sebagai negara demokrasi dan raja berpelembagaan.
- Melaksanakan undang-undang perlu terpakai kepada semua rakyat tanpa mengira bangsa, kaum dan kedudukan.

Modul 12

**ADA APA
DENGAN IC?**

ARAHAN AKTIVITI :

- 1- Pelajar diminta untuk mengeluarkan kad pengenalan (Identity Card) masing-masing. Kemudian kad pengenalan tersebut perlu diedarkan kepada semua rakan-rakan sekelas bermula daripada pelajar-pelajar yang berada di hadapan kelas hingga ke belakang kelas.
- 2- Pelajar-pelajar boleh melihat negeri asal pelajar-pelajar lain di dalam kelas.
- 3- Selesai mengedarkan kad pengenalan tersebut pelajar-pelajar boleh mengembalikan kepada pemiliknya.

NILAI :

- IC adalah kad pengenalan diri yang perlu disimpan dan dijaga rapi.
- IC tidak boleh diserahkan kepada orang lain sesuka hati.
- IC menunjukkan status kerakyatan seseorang warganegara.

Modul 13

**TAK KENAL MAKA
TAK CINTA**

ARAHAN AKTIVITI :

- 1- Pelajar diminta untuk beratur di dalam kelas dan akan ditanya soalan oleh pensyarah/guru berkaitan negara Malaysia.
- 2- Setiap pelajar perlu menjawab soalan dengan tepat. Sekiranya jawapan yang diberi salah pelajar akan didenda dengan cara mencelup muka pada bedak yang telah disediakan.
- 3- Soalan yang tidak dapat dijawab akan diberikan kepada pelajar yang seterusnya.

PERALATAN YANG DIPERLUKAN :

- Bedak
- Pinggan untuk meletakkan bedak

Modul 13

NILAI :

- Perasaan cinta kepada negara perlu dipupuk dalam diri setiap individu yang bergelar warganegara.
- Bukti terhadap rasa cinta tersebut perlu ditunjukkan melalui pengetahuan tentang negara Malaysia yang dicintai serta mengamalkan setiap peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan.
- Pengetahuan umum tentang negara Malaysia menggambarkan rasa cinta yang mendalam kepada negara kerana tidak kenal maka tidak akan melahirkan rasa cinta.



MALAYSIA PRIHATIN

Modul 4

PAKAIAN & PERHIASAN

ARAHAN AKTIVITI :

1- Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan mempunyai pelbagai bangsa dan kaum.

2- Pelajar diminta untuk menjelaskan simbolik kepada pakaian tradisional yang telah ditetapkan. Antara pakaian tradisional yang dicadangkan adalah :

- Baju kurung
- Baju melayu
- Cheongsam
- Sari
- dan lain-lain

NILAI :

- Pakaian melambangkan identiti bangsa dan kaum.
- Setiap pakaian mempunyai simbolik yang tersendiri.
- Tidak salah memakai pakaian bangsa dan kaum lain namun perlu dibezakan adakah pakaian tersebut berkait dengan budaya atau agama.

Modul 15

SURAT KHABAR

ARAHAN AKTIVITI :

- 1- Pelajar diminta untuk membawa surat khabar atau mencari artikel dalam surat khabar kaum masing-masing.
- 2- Pelajar perlu menghuraikan maksud artikel tersebut dan adakah artikel tersebut membawa kepada perpaduan kaum.
- 3- Antara surat khabar yang dicadangkan :
 - Utusan
 - Berita harian
 - Makkal Sakti
 - Nanyang Siang Pau.

NILAI :

- Surat khabar adalah medium kepada masyarakat untuk mendapat maklumat dan pengetahuan.
- Seharusnya setiap surat khabar perlu bermatlamatkan kepada perpaduan kaum walaupun surat khabar tersebut terdiri daripada pelbagai bahasa.

BIODATA PENULIS

ROSMAWATI RAZAK

Merupakan pensyarah di Politeknik Nilai, Negeri Sembilan. Pernah berkhidmat di Politeknik Ibrahim Sultan, Politeknik Seberang Perai dan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam (UM) dan Ijazah Sarjana Pengajian Islam- Dakwah & Kepimpinan (UKM).

HASANI GHAZALI

Merupakan pensyarah di Politeknik Nilai, Negeri Sembilan. Pernah berkhidmat di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Politeknik Kuching dan Politeknik METro Johor Baru. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam (UM) dan Ijazah Sarjana Pengajian Islam- Dakwah & Pembangunan Insan (UM).

NORWAHIDA DZALIHU'ZZABIR

Merupakan pensyarah di Politeknik Nilai, Negeri Sembilan. Pernah berkhidmat di Politeknik Port Dickson. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam (UM) dan Ijazah Sarjana Pendidikan Islam (UM).

JAMALIZAMANI JAMALUDDIN

Merupakan Ketua Jabatan Pengajian Am di Politeknik Nilai, Negeri Sembilan. Pernah berkhidmat di Kolej Komuniti di Sarawak dan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Terengganu. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

15 MODUL

AKTIVITI BERUNSUR PERPADUAN

(INDOOR)

Ebook ini menampilkan 15 modul aktiviti berunsur perpaduan yang boleh dilaksanakan di bilik-bilik kuliah sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran khususnya bagi kursus MPU21032- Penghayatan Etika dan Peradaban bagi menambahkan penghayatan pelajar terhadap nilai perpaduan.

e ISBN 978-967-2742-07-4



9 789672 742074